

## PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI TAMAN NEGARA LOAGAN BUNUT, SARAWAK: SATU KAJIAN

Ewee Kar Teck<sup>1\*</sup>; Ang Kean Hua<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Program Geografi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sabah.

<sup>2</sup>Jabatan Geografi,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya.

Coresponding Author (s): eweekarteck@gmail.com

### ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang popular dengan keindahan alam semula jadi yang dapat menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara. Sebagai contoh, Taman Negara Loagan Bunut yang memiliki kepelbagaian flora dan fauna serta kekayaan ekosistem biodiversiti. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aset utama yang menjadi tarikan pelancong serta impak dari pembangunan pelancong kepada alam sekitar, budaya, sosial dan ekonomi di Taman Negara Loagan Bunut. Metod kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan mengumpul data melalui borang soal selidik pada saiz sampel sebanyak 100 responden. Borang ini hanya diedarkan kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan kajian dan menggunakan kaedah persampelan mudah sahaja. Skala Likert diaplikasian dalam borang soal selidik dan analisis pula menggunakan kaedah deskriptif sahaja. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor tarikan ke Taman Negara Loagan Bunut adalah terdiri daripada keunikan tasik semula jadi, kepelbagaian adat dan budaya tradisional serta kepelbagaian biologi dan ekosistem akuatik, keindahan landskap dan panorama hijau, dan kemudahan asas yang lengkap disediakan. Selain itu, majoriti responden bersetuju bahawa pembangunan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut bukan sahaja memberi impak kepada alam sekitar, sosial budaya dan pendidikan, malah sedikit sebanyak memberi kesan secara positif kepada ekonomi dan politik di kawasan kajian tersebut. Kesimpulannya, pemantauan dan pengurusan sumber secara berterusan adalah amat diperlukan agar keindahan dan keunikan alam semula jadi di Taman Negara Loagan Bunut dapat dikekalkan.

**Kata Kunci:** Flora dan fauna, Skala Likert, pemantauan dan pengurusan sumber, keindahan, keunikan

### Pengenalan

Pembangunan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut merupakan aspek penting yang perlu diteliti dan diselesaikan bagi memastikan pembangunan pelancongan berlaku dengan berkesan, mampan dan seimbang dengan pemeliharaan alam semula jadi dan kebajikan masyarakat setempat (Andereck et al, 2005; Besculides et al, 2002; Tosun, 2002; Bramwell & Lane, 1993; Butler, 1991). Antara isu-isu yang perlu ditangani ialah kesan ekologi peningkatan

aktiviti manusia, mengurangkan biodiversiti, pengaruh sosial terhadap masyarakat setempat, dan keperluan untuk pengaturan pembangunan yang bijak dan mampan (Gursoy et al, 2019; Ghaderi et al, 2018; Choi & Murray, 2010; Mbaiwa & Stronza, 2010; Faulkner & Tideswell, 1997). Isu pertama ialah kesan ekologi yang mungkin timbul akibat peningkatan aktiviti manusia akibat pembangunan pelancongan yang pesat dilakukan. Peningkatan jumlah pelancong, pembersihan jalan, pembangunan fasiliti dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan boleh menyebabkan peningkatan tekanan langsung kepada ekosistem di Taman Negara Loagan Bunut. Misalnya, pencemaran air, bunyi, dan udara, serta pengekstrakan sumber semula jadi yang berlebihan seperti kayu dan air boleh menyebabkan perubahan ekologi negatif seperti habitat hidupan liar yang berkurangan, perubahan suhu dan iklim mikro, dan perubahan kualiti air dan tanah. Isu kedua pula adalah potensi pengurangan biodiversiti akibat pembangunan pelancongan. Taman Negara Loagan Bunut adalah kawasan yang kaya dengan kepelbagaiannya biologi, termasuk spesies tumbuhan dan haiwan yang unik dan terancam. Pembangunan pelancongan yang tidak terkawal dan berlebihan boleh mengakibatkan kehilangan habitat semula jadi, penghijrahan spesies, dan gangguan kepada ekosistem. Potensi kehilangan biodiversiti ini boleh membawa kepada kepupusan spesies tertentu dan mengancam kelestarian ekosistem secara keseluruhan.

Isu ketiga ialah pengaruh sosial dan budaya kepada masyarakat setempat. Peningkatan aktiviti pelancongan boleh membawa kepada perubahan sosial dan budaya dalam masyarakat setempat. Pengenalan budaya asing, perubahan nilai tradisional, dan pengkomersilan warisan budaya boleh mengakibatkan konflik dan ketidakstabilan sosial. Pengaruh sosial juga boleh menyebabkan berlakunya pemindahan masyarakat setempat daripada manfaat ekonomi pembangunan pelancongan dan mengancam kelestarian budaya dan warisan mereka. Isu keempat ialah keperluan untuk pengaturan pembangunan yang berhemat dan mampan. Pembangunan pelancongan yang berlebihan dan tanpa rancangan yang baik boleh menyebabkan ketidakseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pemuliharaan alam semula jadi. Ia penting bagi memastikan aktiviti pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut dikawal dengan baik dan mematuhi garis panduan pemuliharaan alam semula jadi. Selain itu, penting untuk memastikan penglibatan masyarakat setempat dalam perancangan dan pengurusan pelancongan bagi memastikan keseimbangan antara matlamat pembangunan dan pemuliharaan alam semula jadi. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aset utama yang menjadi tarikan pelancong serta impak dari pembangunan pelancong kepada alam sekiar, budaya, sosial dan ekonomi di Taman Negara Loagan Bunut. Dalam menjalankan kajian mengenai pembangunan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut, adalah penting untuk melibatkan kajian lapangan dan perundingan dengan pihak berkepentingan, termasuk komuniti tempatan, pihak berkuasa, usahawan pelancongan, dan pakar pemuliharaan alam semula jadi. Dengan cara ini, isu-isu yang berkaitan dengan kesan ekologi, pengurangan biodiversiti, pengaruh sosial, dan pengaturan pembangunan dapat dikenal pasti dan ditangani secara bersepada untuk memastikan pembangunan pelancongan yang mampan dan berdaya maju di Taman Negara Loagan Bunut.

## Bahan dan Metode Kajian

Kawasan kajian yang dipilih dalam penyelidikan ini adalah di Taman Negara Loagan Bunut yang terletak di kawasan Baram dengan meliputi kawasan pedalaman. Kawasan kajian ini dipilih berdasarkan keadaan persekitaran fizikal dan manusia yang terdapat di Taman Negara Loagan Bunut yang menjadikannya sebagai kawasan pelancongan. Kajian ini dijalankan

dengan fokus kepada penggunaan kaedah kuantitatif iaitu semasa pengumpulan data, dimana penyelidik akan menggunakan borang soal selidik untuk mengedarkan kepada 100 responden dalam membantu melengkapkan maklumat yang diperlukan bagi kajian ini. Hanya penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan kajian, iaitu di Taman Negara Loagan Bunut sahaja yang akan menjawab borang soal selidik tersebut. Menurut Sugiyono (2015), pendekatan kuantitatif merupakan sebuah penelitian yang berlandaskan pada filsafat positivisme untuk meneliti populasi atau sampel tertentu serta pengambilan sampel secara random dengan pengumpulan data menggunakan instrumen, analisis data yang bersifat statistik. Manakala kaedah persampelan pula yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah persampelan mudah. Persampelan mudah adalah kaedah pensampelan dalam penyelidikan yang membolehkan setiap elemen dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.

Ia merujuk kepada proses pensampelan yang tidak berat sebelah, di mana setiap ahli penduduk mempunyai peluang yang sama untuk mewakili penduduk secara keseluruhan. Borang soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada tiga (3) bahagian. Bahagian A adalah mengenai maklumat demografi responden dimana maklumat yang dikumpulkan adalah seperti jantina, umur, status, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan dan isi rumah. Bahagian B pula berkaitan dengan aset utama yang menjadi faktor utama kepada tarikan pelancong di Taman Negara Loagan Bunut. Sementara bahagian C pula mengandungi soalan-soalan untuk mengenalpasti impak pembangunan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut kepada alam sekitar, sosial budaya, ekonomi, politik dan pendidikan. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif sahaja; dengan menggunakan Skala Likert dalam perolehan data, iaitu 1=Sangat Tidak Setuju (STS); 2=Tidak Setuju (TS); 3=Tidak Pasti (TP); 4=Setuju (S); dan 5=Sangat Setuju (SS).

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan kepada Jadual 1, jumlah responden yang berjaya dikumpul adalah sebanyak 100 responden. Dalam kategori pertama, jantina bagi responden kajian di Taman Loagan Bunut adalah didominasikan oleh jantina lelaki dimana jumlah responden bagi kaum lelaki adalah seramai 55 orang. Manakala jumlah responden bagi jantina perempuan adalah seramai 45 orang. Seterusnya, umur majoriti responden adalah pada taraf 31 tahun hingga 40 tahun iaitu seramai 52 responden. Manakala taraf umur responden 21 tahun hingga 30 tahun mencatat seramai 36 orang responden. Sementara taraf umur 41 tahun hingga 50 tahun dan 51 tahun ke atas masing-masing mencatat sebanyak 9 orang dan 3 orang responden. Hal ini demikian kerana kawasan kajian terdiri daripada golongan muda dan dewasa namun kekurangan golongan warga emas. Bangsa majoriti di kawasan Taman Negara Loagan Bunut adalah Berawan dimana ianya memiliki seramai 72 orang responden dalam kajian ini. Manakala jumlah bangsa Iban dalam kajian ini adalah seramai 14 orang.

Sementara bangsa-bangsa juga mencatat seramai 14 orang responden dalam kajian yang dijalankan ini. Bangsa lain-lain ini sendiri daripada bangsa kenyah, kayan, penan dan sebob. Bagi kategori keempat pula adalah tahap pendidikan responden yang paling banyak adalah tahap sekolah menengah dimana ianya memiliki sebanyak 40 orang responden. Hal ini demikian kerana kebanyakkan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut menamatkan pengajian mereka sehingga tingkatan 5 sahaja. Manakala tahap diploma mencatat sebanyak 31 orang responden diikuti oleh sarjana muda iaitu seramai 25 orang responden. Sementara tahap pendidikan sekolah rendah mencatat seramai 4 orang responden. Selain itu, pekerjaan sektor

swasta mencatat jumlah responden yang paling tinggi iaitu seramai 30 orang responden. Manakala seramai 20 orang responden bekerja sendiri dan 12 orang responden bekerja di bawah sektor awam. Sementara pekerjaan sebagai elajar dan tidak bekerja masing-masing mencatat seramai 20 orang responden dan 15 orang responden. Akhir sekali addalah seramai 35 orang responden yang berpendapatan RM500 dan ke bawah. Sementara seramai 18 orang responden memiliki purata pendapatan bulanan sebanyak RM501-RM1,001. Manakala purata pendapatan RM1,001-RM2,00 dan RM3,001 & ke atas masing-masing mencatat sebanyak 25 orang da 22 orang responden.

**Jadual 1: Demografi responden**

Kategori	Frekuensi
Jantina	
Lelaki	55
Perempuan	45
Umur	
21-30 tahun	36
31-40 tahun	52
41-50 tahun	9
>51 tahun	3
Bangsa	
Berawan	72
Iban	14
Lain-lain	14
Tahap pendidikan	
Sekolah rendah	4
Sekolah menengah	40
Diploma/O level	31
Sarjana muda	25
Pekerjaan	
Pelajar	20
Bekerja sendiri	23
Sektor swasta	30
Sektor awam	12
Tidak bekerja	15
Purata pendapatan bulanan	
<RM500	35
RM501-RM1000	18
RM1001-RM2000	25
RM2001-RM3000	22

Berdasarkan kepada Jadual 2, aset utama yang pertama mendapat sebanyak 44 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala seramai 51 orang responden sangat setuju akan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana, tasik semula jadi merupakan satu keindahan alam semula jadi yang dapat menarik minat penduduk dan pelancong untuk datang ke tempat pelancongan ini. Misalnya fenomena pasang surut yang terjadi pada musim-musim tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat 5 orang responden yang tidak pasti bagi pernyataan ini. Seterusnya, untuk pernyataan kedua pula seramai 33 orang responden setuju dengan pernyataan ini manakala 58 orang responden pula sangat setuju akan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana, penduduk setempat yang tinggal di kawasan tersebut memiliki pelbagai kaum yang menjadi aset kepada tarikan pelancong di Taman Negara Loagan Bunut. Misalnya, adat dan budaya kaum berawan dimana kaum ini merupakan kaum majoriti yang tinggal di sekitar kawasan tersebut. Manakala 9 orang responden memilih tidak pasti bagi pernyataan yang kedua.

Untuk pernyataan ketiga pula iaitu kepelbagaiannya biologi dan ekosistem yang unik mampu menarik minat penduduk serta pelancong dimana serama 50 orang responden atau bersamaan dengan 50 % sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana Taman Negara Loagan Bunut memiliki pelbagai jenis ikan ang dapat dilihat apabila datang ke destinasi pelancongan ini. Sementara 45 orang responden dan 5 orang responden tidak pasti dengan pernyataan ketiga ini. Seterusnya, seramai 63 orang responden setuju bahawa keindahan landskap dan panorama hijau di Taman Negara Loagan Bunut menjadi aset utama kepada aktiviti pelancongan di kawasan tersebut. Manakala 27 orang responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Namun terdapat 10 orang responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan terakhir pula seramai 49 responden setuju bahawa penawaran pelbagai kemudahan serta aktiviti-aktiviti menarik adalah salah satu aset utama dalam aktiviti pelancongan di kawasan tersebut. Manakala seramai 35 orang responden atau bersamaan dengan 35 peratus sangat setuju dengan pernyataan ini. Walaubagaimanapun terdapat 15 orang responden tidak pasti dengan pernyataan ini serta terdapat 1 orang responden yang tidak setuju akan pernyataan ini. Melalui analisis ini kita dapat lihat bahawa aset-aset utama yang disenaraikan dalam jadual merupakan bahagian-bahagian utama dalam menjadi daya tarikan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut.

**Jadual 2: Aset utama yang menjadi daya tarikan kepada pelancong untuk datang ke Taman Negara Loagan Bunut.**

	STS	TS	TP	S	SS
Keunikan tasik semula jadi yang terdapat di Taman Negara Loagan Bunut yang mengalami fenomena pasang surut pada bulan yang tertentu.	0	0	5	44	51
Kepelbagaiannya adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat di Loagan Bunut.	0	0	9	33	58
Kepelbagaiannya biologi dan ekosistem akuatik yang unik di Taman Negara Loagan Bunut.	0	0	5	45	50
Keindahan landskap dan panorama hijau di Taman Negara Loagan Bunut.	0	0	10	63	27
Menawarkan pelbagai kemudahan serta aktiviti-aktiviti menarik kepada para pelancong yang datang ke Taman Negara Loagan Bunut.	0	1	15	49	35

Analisis bagi impak dari pembangunan pelancong kepada alam sekiar, budaya, sosial dan ekonomi di Taman Negara Loagan Bunut (Jadual 3) menunjukkan seramai 49 orang responden setuju dengan pernyataan pertama sementara 41 orang responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Melalui pemerhatian pengkaji hal ini demikian kerana pembangunan pelancongan akan menggalakkan pembaharuan padang darat seperti yang terjadi di Taman Negara Loagan Bunut. Misalnya penebangan hutan pokok bagi tempat pembangunan pelancongan. Sementara, seramai 10 orang responden tidak pasti akan pernyataan ini. Seterusnya pernyataan yang kedua iaitu pembangunan pelancongan akan menyebabkan hakisan dan tanah runtuh dimana seramai 46 orang responden sangat setuju akan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana, pembangunan pelancongan menyebabkan banyak pokok yang ditebang sehingga menyebabkan tanah di lereng-lereng bukit mudah untuk terhakis dan runtuh. Sementara seramai 39 orang responden setuju dengan pernyataan ini dan 15 peratus atau bersamaan dengan 15 orang tidak pasti bagi pernyataan ini. Seterusnya, bagi pernyataan ketiga pula mendapat seramai 45 orang responden yang setuju dan 44 orang responden dengan pernyataan bahawa pembangunan pelancongan dapat menyebabkan gangguan ke atas ekosistem. Hal ini demikian kerana aktiviti seperti pembaharuan landskap mampu menjelaskan

ekosistem sama ada secara langsung ataupun tidak. Manakala seramai 11 orang responden memilih 51 tidak pasti untuk pernyataan ketiga ini. Bagi pernyataan yang keempat pula iaitu pembangunan pelancongan akan menyebabkan berlakunya pencemaran air dimana ianya hasil dari aktiviti pelancongan seperti pembuangan sampah, sisa daripada penginapan ataupun restoran serta aktiviti pembalakan. Oleh itu, seramai 59 orang responden yang sangat setuju akan pernyataan semetara 29 orang responden setuju akan pernyataan ini. Namun terdapat 12 orang responden yang tidak pasti berkenaan dengan pernyataan.

Untuk pernyataan yang terakhir pula seramai 50 orang responden sangat setuju akan pernyataan ini sementara 33 orang responden setuju dengan pernyataan ini. Kemusnahan habitat dan kehilangan biodiversiti akibat pembangunan pelancongan boleh mengancam kelestarian alam sekitar. Apabila habitat semula jadi dimusnahkan, ia merampas pelbagai spesies haiwan dan tumbuhan daripada tempat tinggal asal mereka. Ini boleh menyebabkan kepupusan spesies yang boleh menggugat keseimbangan ekosistem. Namun seramai 17 orang responden tidak pasti berkenaan dengan pernyataan ini. Secara ringkasnya, pembangunan pelancongan, walaupun ia menyediakan peluang ekonomi yang besar, sering memberi kesan yang serius terhadap alam sekitar. Ini termasuk pemusnahan habitat semulajadi, kehilangan biodiversiti, pencemaran air dan tanah, dan gangguan ekologi. Untuk meminimumkan kesan negatif ini, penting untuk merancang pembangunan pelancongan dengan teliti, mematuhi undang-undang perlindungan alam sekitar, mempromosikan amalan pelancongan lestari, dan melibatkan pihak berkepentingan dalam usaha pemuliharaan. Kesedaran mengenai kesan pelancongan terhadap alam sekitar serta tanggungjawab kolektif untuk memulihara warisan semula jadi kita adalah kunci dalam memastikan pelancongan dapat berkembang maju tanpa merosakkan ekosistem yang kita nikmati dan perlindungan biodiversiti sangat penting.

Berdasarkan Jadual 3, impak kepada sosio budaya menunjukkan pernyataan pertama dan kedua mendapat sangat setuju seramai 100 orang responden iaitu bersamaan dengan semua jumlah responden bagi kajian ini. Hal ini demikian kerana interaksi dengan pelancong boleh merangsang masyarakat tempatan untuk mencipta produk baru yang mencerminkan budaya mereka. Ini boleh termasuk seni inovatif, muzik kontemporari, atau hidangan unik yang menggabungkan elemen tradisional dengan unsur-unsur moden. Bukan itu sahaja, pelancongan juga memainkan peranan penting dalam pengayaan budaya tempatan di seluruh dunia. Ia bukan sahaja membantu menjana ekonomi dan pemeliharaan warisan budaya, tetapi juga merangsang penghargaan dan pertukaran budaya. Walau bagaimanapun, pengurusan pelancongan yang bijak perlu memastikan pertumbuhan ini berlaku secara mampan, memastikan budaya dan warisan tempatan selamat pada setiap masa. Dengan cara ini, pelancongan boleh terus menjadi sumber pengayaan budaya yang positif bagi masyarakat tempatan di seluruh dunia. Sementara pernyataan ketiga dan keempat juga memiliki jumlah responden yang sama iaitu seramai 50 orang responden yang setuju dan 50 orang sangat setuju dengan pernyataan ketiga dan keempat ini. Hal ini demikian kerana, pelancongan seperti ini mampu memupuk semangat dalam kalagan pelancong dan penduduk setempat itu sendiri. Malaysia dikenal dengan rakyat yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Oleh itu dengan adanya aktiviti pelancongan seperti ini ianya mampu memupuk persefahaman sejagat. Selain itu, aktiviti pelancongan juga dapat mendedahkan perpektif sejarah mengenai penduduk setempat. Misalnya di Taman Loagan Bunut yang terdiri daripada majoriti masyarakat ber kaum Berawan. Oleh itu, dengan adanya aktiviti pelancongan ini pelancong dari luar dapat mengetahui serba sedikit tentang sejarah kaum Berawan.

Seterusnya, bagi pernyataan yang kelima iaitu meningkatkan infrastruktur dan komunikasi setempat dimana seramai 70 orang responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala seramai 30 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ini sendiri dapat dibuktikan melalui temuan bual singkat yang dilakukan pengkaji dengan responden dimana kebanyakannya responden mengatakan bahawa setelah pembangunan pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut, infrastruktur seperti jalan raya dan rangkaian internet semakin membaik dan meningkat. Manakala untuk pernyataan yang keenam seramai 45 orang responden yang setuju dan 55 orang responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Kedatangan pelancong dari luar akan membantu peningkatan penggunaan Bahasa Melayu dan Inggeris sama ada secara langsung ataupun tidak dalam kalangan penduduk. Secara ringkasnya, pembangunan pelancongan mempunyai kesan yang pantas terhadap aspek sosial dan budaya destinasi pelancongan. Ia membawa peluang dan cabaran yang perlu diuruskan dengan bijak oleh pihak berkuasa tempatan. Adalah penting untuk mengamalkan pembangunan pelancongan lestari yang memelihara budaya tempatan, melibatkan penduduk tempatan dalam proses pembangunan, dan menyediakan peluang yang saksama kepada masyarakat setempat. Dengan melakukan ini, kita boleh mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan budaya yang penting untuk kelestarian destinasi pelancongan. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bahawa kemampuan destinasi pelancongan adalah kunci kepada kejayaan jangka panjang industri pelancongan. Untuk mencapai kemampuan ini, adalah penting untuk mengamalkan pembangunan pelancongan yang mampan. Ini termasuk pemeliharaan dan pemeliharaan budaya tempatan sebagai aset penting destinasi pelancongan. Budaya tempatan merupakan sebahagian daripada tarikan pelancong dan membentuk identiti masyarakat setempat.

Seterusnya dalam impak kepada ekonomi, seramai 44 orang responden setuju dengan pernyataan yang pertama. Sementara seramai 30 orang responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Seperti yang kita sedia tahu, setiap sektor pelancongan sudah pasti akan menyediakan peluang pekerjaan terutamanya kepada penduduk setempat yang sememangnya memiliki kelebihan dalam mengenali destinasi pelancongan. Oleh itu, tidak heranlah bahawa lebih dari 70 peratus responden dalam kajian ini setuju dengan pernyataan ini. Walaubagaimana pun, seramai 26 orang responden yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana, responden ini mengatakan bahawa sejak berlakunya pandemik Covid-19 peluang pekerjaan semakin menurun disebabkan kadar pelancong yang semakin menurun. Seterusnya, seramai 55 orang responden yang setuju dengan pernyataan kedua. Manakala seramai 45 orang responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana, Taman Negara Loagan Bunut sememangnya tempat penduduk setempat untuk melebarkan sumber pendapatan sehari-hari mereka. Misalnya aktiviti perikanan dimana hasil tangkapan akan dijual untuk mendapat sumber pendapatan. Pernyataan ketiga dan keempat pula memiliki jumlah responden yang sama iaitu 50 orang bagi yang setuju dan 50 orang responden bagi yang sangat setuju. Walaubagaimanapun industri kraftangan dan IKS di Taman Loagan Bunut belum giat aktif seperti di destinasi pelancongan yang lain.

Dalam impak kepada politik, seramai 56 orang responden setuju dengan pernyataan yang pertama. Sementara seramai 33 orang responden yang sangat setuju. Hal ini demikian kerana sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara kita. Jadi tidak heranlah bahawa sektor pelancongan di Taman Negara Loagan Bunut juga mampu meningkatkan ekonomi kawasan di sekitarnya. Secara tidak langsung ia juga akan mempengaruhi politik di kawasan tersebut. Manakala seramai 11 orang responden tidak pasti

berkaitan dengan pernyataan yang pertama ini. Seterusnya, pernyataan yang kedua dimana pernyataan adalah meningkat kestabilan politik di kawasan tersebut. Seramai 51 responden setuju dengan pernyataan ini, manakala seramai 40 responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini demikian, sektor pelancongan merupakan satu sektor yang memberi penghasilan kepada kerajaan disamping menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan. Walaubagaimanapun, seramai 9 orang responden yang tidak pasti bagi pernyataan ini. Seterusnya, bagi pernyataan yang ketiga iaitu pembangunan pelancongan mampu meluaskan pengaruh orang awam atau setempat atau setempat. Seramai 54 orang responden setuju dengan pernyataan ini. Manakala seramai 44 orang responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Misalnya, dengan adanya peningkatan ekonomi serta penglibatan komuniti dalam melaksanakan sektor pelancongan tersebut. Manakala seramai 2 orang responden tidak pasti akan pernyataan ini. Bagi pernyataan keempat pula, seramai 50 orang responden yang sangat setuju dengan pernyataan. Manakala seramai 43 orang responden setuju akan pernyataan ini. Pembangunan sektor pelancongan secara tidak langsung akan memperluaskan sesbuah kawasan tersbut sehingga menggalakkan hubungan luar bandar. Pernyataan ini juga mendapat seramai 7 orang responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Untuk pernyataan terakhir, seramai 67 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini. Manakala 23 orang responden setuju dan 10 orang responden tidak pasti dengan soalan ini.

Akhir sekali adalah impak kepada pendidikan, dimana seramai 56 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini manakala seramai 44 orang responden yang sangat setuju. Hal ini pembangunan pelancongan ini mampu memberikan pelajaran berasaskan pengalaman terhadap pelancong dan penduduk setempat sama ada secara langsung ataupun tidak. Pengalaman yang diambil biasanya dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Seterusnya, bagi pernyataan kedua pula seramai 51 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini. Manakala seramai 40 orang responden yang setuju dan 9 orang responden yang tidak pasti. Pembangunan pelancongan sememangnya mampu meningkatkan pendidikan pelbagai budaya setempat. Hal ini demikian kerana, pembangunan pelancongan ini akan menggalakkan budaya tempatan untuk lebih dikenali sama ada oleh pelancong atau komuniti di situ. Seterusnya, pernyataan yang ketiga iaitu pembangunan pelancongan mampu menggalakkan pembangunan kemahiran sosial dan emosi dimana seramai 64 responden yang setuju dan seramai 25 orang responden yang sangat setuju. Hal ini demikian kerana pembangunan pelancongan ini mampu menggalakkan kemahiran berinteraksi, kemahiran bahasa dan pengurusan diri. Secara tidak langsung ia mampu menggalakkan kemahiran sosial dan emosi penduduk maupun pelancong. Sementara seramai 11 orang responden tidak pasti berkaitan dengan pernyataan ini. Pernyataan terakhir pula adalah pembelajaran mengenai disiplin lain seperti Geografi, Biologi dan Alam Sekitar dimana seramai 43 orang responden yang setuju, 40 orang sangat setuju dan 17 orang responden yang tidak pasti berkenaan dengan pernyataan ini.

**Jadual 3: Impak dari pembangunan pelancong kepada alam sekitar, budaya, sosial dan ekonomi di Taman Negara Loagan Bunut.**

	STS	TS	TP	S	SS
<b>Impak kepada alam sekitar</b>					
Pembaharuan padang darat.	0	0	10	49	41
Menyebabkan hakisan dan tanah runtuh.	0	0	15	39	46
Menyebabkan gangguan ke atas ekosistem.	0	0	11	45	44
Pencemaran air.	0	0	12	29	59
Kemusnahan habitat dan kehilangan biodiversiti.	0	0	17	33	50

<b>Impak kepada sosial budaya</b>					
Memperkayakan budaya setempat.	0	0	0	0	100
Mengetengahkan budaya tradisional.	0	0	0	0	100
Memupuk persefahaman sejagat.	0	0	0	50	50
Mendedahkan perspektif sejarah mengenai penduduk setempat.	0	0	0	50	50
Meningkatkan infrastruktur dan komunikasi setempat.	0	0	0	30	70
Peningkatan penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.	0	0	0	45	55
<b>Impak kepada ekonomi</b>					
Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.	0	26	0	44	30
Melebarkan sumber pendapatan kepada penduduk setempat.	0	0	0	55	45
Menggalakkan industri kraftangan.	0	0	0	50	50
Meningkatkan industri kecil dan sederhana (IKS) di desa.	0	0	0	50	50
<b>Impak kepada politik</b>					
Meningkatkan ekonomi di sekitar Taman Negara Loagan Bunut.	0	0	11	56	33
Meningkatkan kestabilan politik di kawasan tersebut.	0	0	9	51	40
Meluaskan pengaruh orang awam atau setempat.	0	0	2	54	44
Menwujudkan hubungan luar bandar.	0	0	7	43	50
Menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam sektor pelancongan.	0	0	10	67	23
<b>Impak kepada pendidikan</b>					
Memberikan pembelajaran yang berasaskan pengalaman.	0	0	0	56	44
Meningkatkan pendidikan pelbagai budaya setempat.	0	0	9	51	40
Pembangunan kemahiran sosial dan emosi.	0	0	11	64	25
Pembelajaran mengenai disiplin lain seperti Geografi, Biologi dan Alam Sekitar.	0	0	17	43	40

## Kesimpulan

Taman Negara Loagan Bunut merupakan destinasi pelancongan semula jadi yang terletak di bagian Baram, Sarawak iaitu satu kawasan pendalamatan. Kajian ini telah mendedahkan pelbagai aspek yang perlu dipertimbangkan untuk membangunkan kawasan ini sebagai tarikan utama pelancong. Oleh yang demikian terdapat beberapa kesimpulan yang dapat dibuat setelah kajian dan hasil didapatkan oleh pengkaji. Pertama, pengurusan alam sekitar adalah kunci. Taman Negara Loagan Bunut adalah habitat semula jadi yang unik dan memerlukan perlindungan dan pemuliharaan yang berterusan. Pembangunan pelancongan perlu seiring dengan pengawasan alam sekitar bagi memastikan kemampunan jangka panjang. Bukan itu sahaja, pelancongan berkumpulan dan bersepada perlu digalakkan. Kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan infrastruktur sokongan pelancongan seperti penginapan, kemudahan makanan, dan aktiviti luar harus dipertimbangkan dengan bijak untuk memenuhi keperluan pelancong pelbagai jenis. Ketiga, penglibatan masyarakat setempat adalah penting. Penduduk tempatan perlu diberi peluang untuk menyumbang kepada industri pelancongan, sama ada melalui perkhidmatan atau pengeluaran produk tempatan. Ini dapat meningkatkan pembangunan ekonomi tempatan dan menyokong keharmonian antara masyarakat dan pelancong. Selain itu, pemasaran dan promosi yang berkesan adalah kunci kejayaan kepada pembangunan pelancongan di kawasan tersebut. Taman Negara Loagan Bunut perlu giat dipromosikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk menarik pelancong dari pelbagai destinasi. Strategi pemasaran kreatif dan penggunaan teknologi moden adalah penting. Akhir sekali, pemantauan dan pengurusan sumber juga adalah penting. Pemantauan berterusan terhadap kesan pembangunan pelancongan terhadap alam sekitar dan masyarakat setempat adalah perlu. Tindakan perlu diambil untuk menyesuaikan strategi pembangunan jika perlu.

## Rujukan

- Andereck, K. L., Valentine, K. M., Knopf, R. C., & Vogt, C. A. (2005). Residents' perceptions of community tourism impacts. *Annals of tourism research*, 32(4), 1056-1076.
- Besculides, A., Lee, M. E., & McCormick, P. J. (2002). Residents' perceptions of the cultural benefits of tourism. *Annals of tourism research*, 29(2), 303-319.
- Bramwell, B., & Lane, B. (1993). Sustainable tourism: An evolving global approach. *Journal of sustainable tourism*, 1(1), 1-5.
- Butler, R. W. (1991). Tourism, environment, and sustainable development. *Environmental conservation*, 18(3), 201-209.
- Choi, H. C., & Murray, I. (2010). Resident attitudes toward sustainable community tourism. *Journal of sustainable tourism*, 18(4), 575-594.
- Faulkner, B., & Tideswell, C. (1997). A framework for monitoring community impacts of tourism. *Journal of sustainable tourism*, 5(1), 3-28.
- Ghaderi, Z., Abooali, G., & Henderson, J. (2018). Community capacity building for tourism in a heritage village: The case of Hawraman Takht in Iran. *Journal of Sustainable Tourism*, 26(4), 537-550.
- Gursoy, D., Chi, C. G. Q., Lu, L., & Nunkoo, R. (2019). Antecedents and outcomes of travelers' information-seeking behavior in the context of online social networks. *Journal of Travel Research*, 58(5), 789-804.
- Mbaiwa, J. E., & Stronza, A. L. (2010). The effects of tourism development on rural livelihoods in the Okavango Delta, Botswana. *Journal of sustainable tourism*, 18(5), 635-656.
- Sugiyono (2015). Metode Penelitian Kombinasi (Mix Methods). Bandung: Alfabeta
- Tosun, C. (2002). Host perceptions of impacts: A comparative tourism study. *Annals of tourism research*, 29(1), 231-253.